

17/11/1998

Sikap negara luar dikesali

Rakyat Yang Setia

KITA berasa amat dukacita dan kesal dengan sikap pihak tertentu dari luar negara yang cuba menggugat sistem kehakiman dan perundangan negara ini.

Mereka membangkitkan pelbagai isu semata-mata untuk merosakkan imej negara kita.

Sebenarnya tindakan 'orang luar' itu adalah untuk mempengaruhi atau menarik perhatian dunia supaya tidak yakin dengan sistem perundangan Malaysia mengenai isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekarang.

Boleh dikatakan mereka yang menimbulkan isu itu ialah pemimpin dan golongan tertentu beberapa negara luar yang kononnya begitu simpati dengan Anwar dengan menggunakan 'orang tertentu'.

Mereka juga menggunakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membangkitkan kebencian rakyat kepada kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kemakmuran serta yakin dengan sistem demokrasi negara ini, kita harus yakin dengan kewibawaan pucuk pimpinan dalam menangani isu berbangkit.

Kita haruslah memberi kepercayaan yang penuh kepada Perdana Menteri yang begitu bersungguh-sungguh berusaha menyelesaikan pelbagai masalah dan isu semasa demi kesejahteraan dan keamanan rakyat sejangkit.

Seperti yang kita ketahui, pelbagai perkara mencabar lain yang perlu Dr Mahathir tangani, bermula isu kemelesetan ekonomi, gejala sosial, rasuah, kerenah NGO dan pelbagai penyelewengan sehinggalah ancaman negara jiran dan antarabangsa. Segala ini memerlukan perhatian dan masa untuk beliau menanganinya.

Justeru, Perdana Menteri perlu mendapat sokongan penuh rakyat bagi membolehkan beliau menyelesaikan semua masalah itu. Tidak terkecuali juga dengan isu hangat sekarang - kes pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jika kita lihat laporan media, terdapat pemimpin beberapa negara luar cuba mempertikai sistem perundangan dan kehakiman negara kita. Sedangkan seperti yang kita ketahui mereka tidak berupaya membetulkan sistem perundangan negara mereka sendiri.

Kita di Malaysia mestilah yakin dengan kebolehan dan kewibawaan hakim kita yang mempunyai kemampuan menguruskan sistem kehakiman dan perundangan dengan bijaksana sekali. Dan kita percaya sistem demokrasi yang kita amalkan boleh memberi kesejahteraan dan keadilan kepada semua rakyat dan pemimpin negara ini.

Sebenarnya kita tidak perlu menerima desakan atau tunjuk ajar daripada pihak luar dalam mengendalikan sistem pemerintahan negara kita, kerana kita sudah mempunyai kemampuan untuk menguruskan pentadbiran sendiri.

Mengenai 'keistimewaan tertentu' yang diminta oleh pemerhati atau wakil negara luar untuk mengikuti perbincangan kes itu, kita tidak patut beri perhatian kerana mereka bukan ada kena-mengena dengan perkara berkenaan.

Apakah hak mereka untuk mendapat keistimewaan itu? Malah kita juga tidak perlu kehadiran mereka ke sini. Kedatangan mereka bukan boleh memberi kebaikan kepada negara kita, malah boleh memberi imej yang kurang baik kepada negara luar.